

**BH****VARSAITI**

bhvarsiti@bh.com.my

NC4IR-TVET

Subtema dan sebahagian sinopsis

Kemapanan dan kemahiran hijau dalam Industri 4.0

- Dalam pendekatan menyokong ekonomi hijau, kemahiran berkaitan diperlu untuk menjayakannya
- **Membina** kehidupan lestari bermaksud perubahan gaya hidup dan cara menguruskannya setiap hari
- **Perlu** memahami kewujudan dan potensi hubungan antara kemahiran, tenaga, pekerjaan, inovasi, industri dan dasar alam sekitar untuk menghadapi cabaran Industri 4.0

Kerjasama industri untuk pembangunan kemahiran dalam Industri 4.0

- **Syarikat** dan institusi bekerjasama dalam bidang pembuatan proses pintar serta rangkaian proses pengeluaran digital, dan membangunkan operasi standard, keselamatan serta harta intelek
- **Kerjasama** industri dalam membangunkan kemahiran jelas menunjukkan pembabitan industri ini penting dalam menangani cabaran Industri 4.0

Ekonomi, pulangan pelaburan dan keusahawanan dalam Industri 4.0

- **Satu** daripada matlamat utama pendidikan ialah mempersiapkan pelajar memasuki pasaran kerjaya, namun banyak institusi pendidikan tiada hubungan dengan dunia pekerjaan
- **Industri 4.0** juga menimbulkan risiko dalam industri, termasuk kehilangan pekerjaan dan pertindihan model perindustrian
- **Dalam** keusahawanan, pembuat dasar harus mengaku bahawa dasar Industri 4.0 memerlukan promosi eksperimen keusahawanan dalam ekosistem keusahawanan bersesuaian

Pembelajaran sepanjang hayat untuk pembangunan kemahiran dalam Industri 4.0

- **Menekankan** hak untuk pendidikan, prinsip ekuiti, inklusif dan kualiti serta kepentingan pembelajaran
- **TVET** menitikberatkan ilmu pengetahuan dan kemahiran diperlukan dalam sektor pekerjaan
- **Pekerjaan** dan keusahawanan yang baik mempromosikan pertumbuhan ekonomi seimbang, inklusif dan mampan serta menyokong peralihan ke arah ekonomi hijau dan kelestarian alam sekitar

Dasar dan tadbir urus untuk pembangunan kemahiran dalam Industri 4.0

- **Pembangunan** sistem TVET yang berkesan
- **Mekanisme** perlu disusun rapi supaya Industri 4.0 menjadi revolusi yang lestari

Standard dan kurikulum untuk pembangunan kemahiran dalam Industri 4.0

- **Inovasi** dalam pendidikan adalah penting
- **Peranan** piawaian dan kurikulum dalam pendidikan ialah membangunkan kemahiran kritikal untuk inovasi dalam ekonomi
- **Pendidikan** berperanan penting menyatukan teknologi dengan sosial
- **Perlu** kurikulum standard baharu ke arah Industri 4.0

Memanusiaikan potensi untuk pembangunan kemahiran dalam Industri 4.0

- **Pakar** mendapati sebahagian kemahiran dimiliki tidak selari dengan perkembangan kemajuan teknologi
- **Tiga** ciri utama saling berkaitan mempengaruhi cara bakat dikembang serta dikerahkan ketika ini dan pada masa depan, iaitu membabitkan aspek teknologi dan globalisasi, sistem pendidikan dan latihan, serta norma budaya lazim dan inersia institusi

Pembelajaran inovasi untuk pembangunan kemahiran dalam Industri 4.0

- **Industri** yang menarik pelaburan paling banyak ialah khidmat pelanggan, pengurusan kualiti, diagnosis perubatan dan rawatan, analisis penipuan dan penyiasatan
- **Pendidikan** memainkan peranan penting dalam Industri 4.0
- **Pendekatan** mempersiapkan pelajar berubah dengan pantas

**RESOLUSI
HADAPI
INDUSTRI 4.0**

➔ NC4IR-TVET gariskan persediaan perlu diberi penekanan bagi mempersiapkan graduan berdepan cabaran era baharu

Oleh Basir Zahrom

basir_zahrom@bh.com.my

Putrajaya

Perubahan dalam kurikulum, penyampaian dan pembelajaran secara berkesan, pengajian lebih fleksibel menerusi dalam talian, serta fokus pada teknologi maklumat dan keusahawanan.

Demikian antara persediaan perlu diberi penekanan dalam usaha mempersiapkan graduan menghadapi era

Revolusi Perindustrian Keempat (Industri 4.0) bagi memenuhi satu daripada aspirasi Transformasi Nasional 2050 (TN50) untuk meningkatkan peratusan pekerja mahir di Malaysia.

Pengerusi Persidangan Kebangsaan Revolusi Perindustrian 4.0: Hala Tuju Pembangunan Kurikulum Tenaga Mahir (NC4IR-TVET), Prof Madya Dr Mohamad Sattar Rasul, berkata transformasi latihan dan pendidikan teknikal dan vokasional (TVET) penting bagi mempertingkatkan prestasi tenaga kerja negara serta mengukuhkan pembangunan ekonomi.